



SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM


PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

RANGER (D.3-4 EB.5)
JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



RANGER
JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN
D.3-4 EB.5 (\$900 - \$1,625 SEBULAN)
KEKOSONGAN= SATU (01)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC* Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (*NC*) atau sebanding dalam bidang Alam Semula Jadi / Sains atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Muzium-Muzium dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun.

2. Berkebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan fasih.

3. Keutamaan akan diberikan kepada calon lelaki.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Membuat penyiasatan dan penilaian jika terjadi pencerobohan kawasan hutan perlindungan bersama dengan pihak yang berkenaan dan menyediakan laporan kejadian kepada Ketua Bahagian;
2. Membuat pemantauan rondaan dan pengawalan serta menyertai penyelidikan dan pembelajaran dan seterusnya menyediakan laporan bagi kawasan hutan perlindungan;
3. Hendaklah bersedia bertugas pada bila-bila masa termasuk di luar masa pekerjaan dan di mana-mana sahaja dikehendaki sebagaimana yang diarahkan; dan
4. Menjalankan semua tugas yang diaturkan oleh Ketua Jabatan dari semasa ke semasa.